MAT NAYAN KAMIS A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR B
MOHD SOFIAN ABD RAZAK H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-05-2006]
19 DISEMBER 2007

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Sumbang mahram terhadap anak sendiri - Kesalahan ulangan - Hukuman 60 tahun penjara - Sama ada setimpal - Kanun Keseksaan, s. 376B(1)* C

Pada bulan Mac 1997, perayu telah dihukum 4 tahun penjara, 6 tahun penjara dan 6 sebatan rotan dan 15 tahun penjara dan 8 sebatan masing-masingnya dengan hukuman diperintah berjalan serentak kerana melakukan kesalahan sumbang mahram di bawah s. 376B(1) Kanun Keseksaan ('KK') terhadap seorang anak perempuannya. Perayu telah menjalani hukumannya dan telah dibebaskan dari penjara sekitar Mac 2006. Pada 23 Jun 2006, 25 Jun 2006 dan 29 Jun 2006, iaitu selepas 3 bulan pembebasannya, perayu, yang ketika itu berumur 56 tahun, telah sekali lagi melakukan kesalahan yang sama terhadap seorang lagi anak perempuannya yang berumur 15 tahun 7 bulan. Di Mahkamah Sesyen, perayu mengaku salah terhadap ketiga-tiga pertuduhan s. 376B(1) KK yang dihadapkan kepadanya, dan berikutnya, hakim sesyen telah menjatuhkan hukuman 20 tahun penjara bagi setiap pertuduhan dengan hukuman di perintah berjalan secara berasingan. Tidak berpuashati, perayu merayu. Di hadapan yang arif hakim, persoalan yang berbangkit adalah sama ada hukuman 60 tahun penjara yang dijatuhkan, berdasarkan fakta luar biasa kes ini, adalah setimpal dan adil dan perlu dikekalkan. D E F G

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan hukuman):

(1) Hakim Mahkamah Sesyen telah menggunapakai prinsip undang-undang yang betul apabila menimbang soal kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman. Seperti yang dikatakan di dalam *Mohd Zandere Arifin v. PP*, kesalahan sumbang mahram adalah satu kesalahan yang serius dan amat keji lebih-lebih lagi dilakukan ke atas mangsa yang merupakan darah daging sendiri. Dalam kes ini, perayu telah mengkhianati tanggungjawab yang H I

A diamanahkan terhadapnya sebagai seorang ayah dengan memuaskan nafsu serakahnya terhadap mangsa hanya tiga bulan selepas beliau dibebaskan dari penjara. (perenggan 17, 19 & 20)

B **(2)** Mengambilkira rekod jenayah lampau perayu, perayu tidak mungkin mengundang simpati atau rasa belas ehsan daripada mahkamah. Perayu adalah seorang habitual offender dan bukan seorang yang akan menginsafi kesalahannya. Hukuman yang dijatuhkan terhadap perayu memang akan mempunyai 'crushing
C effect' terhadapnya, tetapi biarkanlah. Kepentingan awam menuntut agar mahkamah tidak menunjukkan rasa simpati terhadap perayu. (perenggan 24)

Kes-kes yang dirujuk:
Bachik Abdul Rahman v. PP [2004] 2 CLJ 572 CA ***(dirujuk)***
D *Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139* ***(dirujuk)***
Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals [1998] 3 CLJ 769 CA ***(dirujuk)***
Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(dirujuk)***
Mohd Zandere Arifin v. PP [2006] 5 CLJ 663 HC ***(dirujuk)***
E *PP v. Govindnan Chinden Nair [1998] 2 CLJ 370 HC* ***(dirujuk)***
R v. Kenneth John Ball (35 Criminal Appeal Report 164) ***(dirujuk)***
R v. Sargeant [1974] 60 Cr App R 74 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s. 376B(1)

F
Bagi pihak perayu - Hadir sendiri
Bagi pihak responden - Norfiza Nordin TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

G

PENGHAKIMAN

Mohd Sofian Abd Razak H:

H **[1]** Pada tarikh 29 Mac 2007 mahkamah bersidang untuk mendengar rayuan daripada perayu terhadap hukuman penjara untuk tempoh 20 tahun bagi setiap pertuduhan kesemuanya berkuatkuasa secara berasingan dari tarikh perayu ditangkap pada 1 Julai 2006 oleh Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis.

I

[2] Setelah mendengar hujahan daripada perayu dan juga pihak Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, mahkamah menolak rayuan perayu dengan memberi alasan secara ringkas bagi setiap pertuduhan termasuk latar belakang perayu dan juga mengambil kira prinsip-prinsip semasa memutuskan keputusan rayuan.

[3] Perayu yang tidak berpuas hati terhadap keputusan mahkamah telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan tersebut. Mahkamah di sini memberi alasan-alasan kenapa rayuan perayu ditolak.

[4] Di Mahkamah Sesyen, perayu telah dituduh dengan tiga pertuduhan sumbang mahram yang boleh dihukum di bawah s. 376B(1) Kanun Keseksaan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama Pindaan

> Bahawa kamu pada 23/06/2006 jam lebih kurang 10.00 malam di ladang getah Felda Mata Ayer, Padang Besar dalam Negeri Perlis telah melakukan persetubuhan dengan Nor Asmah binti Mat Nayan, No. Kad Pengenalan: 901111-09-5056, umur 15 tahun 7 bulan yang mana oleh kerana perhubungan kamu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang dan hukum agama yang terpakai kepada kamu untuk berkahwin dengannya, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua Pindaan

> Bahawa kamu pada 25/06/2006 jam lebih kurang 11.00 malam di ladang getah Felda Mata Ayer, Padang Besar dalam Negeri Perlis telah melakukan persetubuhan dengan Nor Asmah binti Mat Nayan, No. Kad Pengenalan: 901111-09-5056, umur 15 tahun 7 bulan yang mana oleh kerana perhubungan kamu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang dan hukum agama yang terpakai kepada kamu untuk berkahwin dengannya, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga Pindaan

Bahawa kamu pada 29/06/2006 jam lebih kurang 10.00 malam di ladang getah Felda Mata Ayer, Padang Besar dalam Negeri Perlis telah melakukan persetubuhan dengan Nor Asmah binti Mat Nayan, No. Kad Pengenalan: 901111-09-5056, umur 15 tahun 7 bulan yang mana oleh kerana perhubungan kamu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang dan hukum agama yang terpakai kepada kamu untuk berkahwin dengannya, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan.

[5] Pada 13 November 2006 ketiga-tiga pertuduhan dibaca kepada perayu dan diterangkan. Perayu faham akan pertuduhan serta sifat dan kesan akibat pengakuan salah. Perayu kemudian mengaku salah kepada setiap pertuduhan yang dibacakan tersebut. Mahkamah Sesyen setelah berpuas hati dengan pengakuan salah perayu telah merekodkan pengakuan salah perayu.

[6] Pihak Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana kemudian telah mengemukakan ke mahkamah, ringkasan fakta kes dan kemudian ditandakan sebagai eks. P1. Ekshibit-ekshibit lain yang dikemukakan adalah seperti berikut:

(i) Padang Besar Repot No: 000652/06 (eks. P2)

(ii) Laporan Perubatan mangsa bertarikh 20 September 2006 (eks. P3)

(iii) Laporan Perubatan perayu bertarikh 13 September 2006 (eks. P4).

[7] Kesemua ekshibit-ekshibit tersebut diakui benar oleh perayu.

[8] Perayu di dalam rayuan untuk meringankan hukuman telah berhujah seperti berikut:

(i) Hukuman penjara dari tarikh tangkap

(ii) Memohon agar hukuman ringan dijatuhkan

(iii) Perayu telah dipinggirkan oleh keluarga.

[9] Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana kemudiannya mendengar hujahan balas daripada pihak Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, Cik Norfiza binti Nordin yang mengatakan dari fakta yang diakui oleh perayu menunjukkan bahawa perayu telah melakukan tiga perbuatan sumbang mahram terhadap mangsa pada waktu-waktu yang berasingan. Perayu juga mempunyai tiga rekod kesalahan lampau perbuatan sumbang mahram terhadap anak perempuan beliau di bawah s. 376B(1) Kanun Keseksaan. Untuk kesalahan tersebut, perayu dijatuhi hukuman pada 25 Mac 1997 seperti berikut: (i) untuk pertuduhan pertama dijatuhi empat tahun penjara, (ii) untuk pertuduhan kedua selama 12 tahun penjara dan 6 sebatan rotan (iii) untuk pertuduhan ketiga selama 15 tahun dan 8 sebatan rotan. Kesemua hukuman penjara berjalan serentak mulai dari tarikh tangkap. Perayu selepas tiga bulan selesai menjalani hukuman penjara untuk kesalahan pertama, melakukan ketiga-tiga kesalahan di bawah s. 376B(1) Kanun Keseksaan yang sedang dirayu.

[10] Semasa rayuan di Mahkamah Tinggi pula perayu semasa mengemukakan rayuan tidak diwakili oleh peguambela dan membuat rayuan secara sendiri. Perayu mengatakan bahawa beliau pada masa rayuan didengar berumur 56 tahun dan menyesali akan perbuatan beliau dan berjanji tidak akan melakukan perbuatan yang sama lagi. Perayu adalah seorang peneroka Felda di Felda Mata Ayer, Padang Besar, Perlis dan memohon jangka masa hukuman penjara dipendekkan serta hukuman penjara bagi ketiga-tiga pertuduhan berjalan serentak mulai dari tarikh tangkap. Perayu juga memohon agar beliau diberi peluang kedua untuk memperbaiki dirinya.

[11] Mahkamah sebelum memutuskan rayuan perayu telah meneliti rekod rayuan dan dapati di ms 14 dan 15, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya mengatakan seperti berikut:

> Mahkamah sememangnya sedar bahawa pengakuan salah oleh OKT sejak awal kes disebutkan boleh menjadi faktor meringankan hukuman. Namun begitu di dalam kes ini Mahkamah tidak dapat menimbangkan fakta pengakuan salah OKT sebagai suatu fakta meringankan hukuman. OKT sanggup melakukan persetubuhan yang dilarangkan oleh agama dan undang-undang ke atas anak perempuannya sendiri. Sebagai bapa, OKT seharusnya menjaga dan memberi perlindungan kepada anak perempuan tersebut. Tetapi sebaliknya berlaku dan OKT telah merosakkan masa

A hadapan anak perempuan tersebut. OKT baru saja keluar dari penjara tiga (3) bulan sebelum kejadian pertama berlaku. OKT telah dihukum di Mahkamah Sesyen yang sama pada 25hb Mac, 1997 di atas tiga (3) pertuduhan. Yang pertama atas tuduhan cuba merogol dan telah dihukum 4 tahun penjara. Untuk pertuduhan
B kedua di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan, OKT dihukum penjara 12 tahun dengan 6 kali sebatan rotan. Untuk pertuduhan kes di bawah Seksyen yang sama OKT dihukum 15 tahun penjara dan 8 kali sebatan rotan. Kesemua pertuduhan yang dahulu adalah dilakukan ke atas seorang lagi anak perempuannya.

C **[12]** Bersidang sebagai mahkamah rayuan, saya diperingatkan tentang prinsip am iaitu mahkamah rayuan hendaklah tidak semudah mengubah penemuan fakta oleh mahkamah bicara. lanya hanya boleh diubah sekira penemuan tersebut adalah dengan jelas tidak boleh dipertahankan dan disokong dengan keterangan yang
D dikemukakan barulah mahkamah rayuan mencelah dan menggantikan dengan penemuannya sendiri.

[13] Saya telah meneliti alasan-alasan penghakiman di dalam rekod rayuan untuk memastikan samada Hakim Mahkamah Sesyen yang
E bijaksana telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang dalam menjatuhi hukuman terhadap perayu di mana rayuan ini dikemukakan.

[14] Untuk tujuan ini, mahkamah ingin merujuk kepada kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] 1 LNS 139 berkenaan
F dengan prinsip hukuman di mana Raja Azlan Shah Ag LP (DYMM pada masa tersebut) mengatakan seperti berikut:

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise
G by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon
H which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts, may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v.*
I *Jamieson* [1952] AC 525. It is for that reason that some very conscientious judges have though it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular

judge. It is for that reason also that this court has said it again and again it will not normally interfere with sentences and the possibility or even the probability that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, *per se* to warrant this court's interference, (see *PR v. Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256).

[15] Berkenaan dengan hukuman penjara yang lama iaitu selama 60 tahun berjalan berasingan, mahkamah bersetuju dengan pandangan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa pengakuan salah perayu bukanlah satu faktor yang patut diambil kira dalam mengurangkan hukuman penjara. Tidak ada prinsip automatik iaitu pengakuan salah membolehkan tertuduh mendapat hak untuk hukuman ringan (*PP v. Govindnan Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370) dan begitu juga diberi diskaun satu pertiga atau satu perempat daripada hukuman penjara yang mungkin akan dikenakan (*Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209).

[16] Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana juga di dalam alasan penghakiman mengambil kira kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi perayu dalam menjatuhkan hukuman. Kes-kes yang dirujuk untuk prinsip ini adalah *R v. Kenneth John Ball* (35 Criminal Appeal Report 164) dan juga kes *Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals* [1998] 3 CLJ 769.

[17] Saya bersependapat dengan alasan atas isu ini yang diutarakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana iaitu di dalam kes semasa kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi perayu dalam menjatuhi hukuman.

[18] Di dalam kes *R v. Sargeant* [1974] 60 Cr. App. R 74, Lawton LJ mengatakan seperti berikut:

> "the importance of retributive aim of sentencing which seeks to retaliate against the wrong doing for what he has committed." His Lordship further said "society, through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime and the only way in which the courts can show this is by the sentences they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to ... public opinion.

[19] Mahkamah ingin memetik kata-kata Ahmad Maarop, H (Yang Arif pada masa itu) dalam kes *Mohd Zandere Arifin v. PP* [2006] 5 CLJ 663 at p. 672.

A Kesalahan sumbang mahram adalah suatu kesalahan yang serius dan amat keji lebih-lebih lagi dilakukan ke atas mangsa yang merupakan darah daging sendiri. Perayu sepatutnya menjaga dan membimbing mangsa sebaliknya menjadi perosak masa hadapan anak sendiri semata-mata kerana memenuhi nafsu serakah Perayu.

B Dengan demikian, Mahkamah berperanan untuk memastikan ianya tidak terus berleluasa dengan menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan agar menjadi satu penghalang kepada mereka yang mempunyai keinginan untuk melakukan kesalahan yang serupa.

C **[20]** Mahkamah bersetuju dengan saranan oleh Yang Arif Ahmad Maarop tersebut dan di dalam kes semasa juga perayu mengkhianati tanggungjawab yang diamanahkan terhadap beliau selaku seorang ayah dengan memuaskan nafsu serakahnya terhadap mangsa tiga bulan selepas perayu dibebaskan dengan kesalahan
D yang sama. Mahkamah berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah menggunapakai prinsip undang-undang yang betul dalam menimbangkan rayuan perayu berkenaan dengan isu kepentingan awam atau peribadi.

E **[21]** Selain daripada itu, perayu juga merayu agar ketiga-ketiga hukuman yang dijatuhi oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana dijalankan secara serentak mulai dari tarikh tangkap.

[22] Perayu telah melakukan tiga kesalahan sumbang mahram
F yang berasingan terhadap mangsa yang sama di tempat yang sama tetapi pada tarikh yang berlainan dalam tempoh tujuh hari. Pada pendapat mahkamah hukuman yang dijatuhkan mestilah menggambarkan kes semasa yang perayu telah melakukan tiga kesalahan sumbang mahram dan perayu dihukum untuk tiga
G kesalahan yang berasingan. Ini hanya boleh dilakukan dengan ketiga-tiga hukuman berjalan secara berasingan dari tarikh tangkap. Samada sesuatu hukuman penjara tertuduh patut dijalankan secara serentak atau secara berasingan dibincangkan di dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* [2004] 2 CLJ 572.

H **[23]** Mahkamah menyedari bahawa kesan hukuman penjara keseluruhan terhadap perayu boleh mendatangkan kesan yang menghancurkan (crushing effect) terhadap perayu kerana akan berada di penjara untuk satu tempoh yang agak lama iaitu 60
I tahun ataupun dikurangkan satu pertiga atas kelakuan baik. Walau bagaimanapun ini mestilah diimbangi dengan kesalahan yang serius

yang dilakukan oleh perayu dan kepentingan awam bagi kesalahan sumbang mahram. Dari meneliti alasan penghakiman oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana tiada apa-apa rujukan dibuat kepada prinsip "totality principle' seperti yang diutarakan di dalam kes *Bachik Abdul Rahman (supra)*. Mahkamah berpendapat dengan tiada rujukan kepada prinsip "totality principle' ianya tidak mencacatkan kesimpulan serta alasan untuk menjatuhkan hukuman terhadap perayu berjalan secara berasingan.

[24] Mahkamah setelah meneliti rekod jenayah lampau perayu, berpendapat bahawa rekod jenayah tersebut tidak mungkin mengundang simpati dan rasa belas ehsan daripada mahkamah. Perayu adalah seorang pesalah yang berulang (habitual offender) dan bukan seorang yang akan menginsafi kesalahannya. Dalam rayuan ini, hukuman penjara untuk ketiga-tiga pertuduhan yang berjalan secara berasingan dari tarikh tangkap adalah 60 tahun atau dikurangkan satu pertiga atas kelakuan baik sudah tentu akan memberi kesan yang menghancurkan (crushing effect) perayu tetapi biarkannya (so be it). Kepentingan awam menuntut agar mahkamah tidak menunjukan rasa simpati terhadap perayu. Di akhirnya perayu tidak menghujahkan alasan-alasan yang munasabah kenapa mahkamah patut bersetuju dengan perayu dan mengubah keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana.

[25] Dengan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah menolak rayuan perayu dan mengekalkan hukuman yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana.